

UiTM dominasi carta pingat Sukan Masum Fasa 1

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI



SEBAHAGIAN atlet UiTM meraikan kejayaan mendahului carta kutipan pingat pada kejohanan Sukan Masum Fasa 1 di UMP, Pahang semalam.

KONTINJEN Universiti Teknologi Mara (UiTM) berjaya mendominasi kejohanan Sukan Masum Fasa 1 apabila merangkul 47 pingat emas, 17 perak dan 24 gangsa.

Kedudukan tersebut membolehkan UiTM mendahului carta kutipan pingat mengatasi Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan 34 emas, 33 perak dan 18 gangsa.

Tempat ketiga disandang Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang memperoleh 10 emas, 12 perak dan 21 gangsa.

Kejohanan Sukan Masum Fasa 1 yang bermula 23 hingga 28 Julai lalu berlangsung di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kuantan, Pahang dengan mempertandingkan 10 acara sukan.

Timbalan Pengarah Pusat Sukan UiTM yang juga Ketua Kontinjen, Mohd. Fisol Saud berkata, beliau bangga dengan pencapaian atlet UiTM Fasa 1 dan berharap da-

pat teruskan kecemerlangan pada Fasa 2.

Beliau berkata, pasukan renang UiTM mempamerkan kecemerlangan selepas menyumbang pingat tertinggi sebanyak 13 emas diikuti taekwondo 10 emas.

"Atlet olahraga UiTM pula menyumbang sembilan emas manakala boling dan petanque menyumbang empat pingat emas.

"Pingat emas seterusnya disumbangkan melalui acara catur dengan tiga emas, karatedo dua emas, dan pasukan bola jaring serta bola keranjang masing-masing satu emas," katanya semalam.

Tambah Mohd. Fisol, beliau berharap kontinjen UiTM meraih lebih pingat emas bagi Fasa 2 yang bermula kelmarin hingga 4 Ogos depan di venue sama sekali gus mempertahankan kejuaraan musim lalu.

Bagi Fasa 2, sembilan acara sukan akan dipertandingkan antaranya ragbi, bola baling dan boling padang yang memulakan perlawanan semalam.